



M06 –KEPEKAAN PELAKSANAAN KESIHATAN, KESELAMATAN DAN PERSEKITARAN

TAHAP 3

**PELAKSANAAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN (OSH)**

Pengenalan

- Pelaksanaan OSH dan akta-akta berkaitan merupakan perkara utama dalam memastikan tahap kesihatan dan keselamatan pekerja dijamin.
- Setiap akta keselamatan dan keselamatan serta akta kilang dan jentera,



1. KEPERLUAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN

- Keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah suatu keadaan di mana seseorang pekerja memerlukan persekitaran kerja yang selamat dan sihat untuk dirinya dan orang-orang lain yang mungkin terjejas oleh aktiviti-aktivitinya.



NOSS/JPK/KSM JULAI 2017
GCA04(CA04)

1. KEPERLUAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN (Samb.)

- Perundangan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan diperbuat pada tahun 1994. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) telah mendapat kelulusan parlimen pada tahun 1993 dan diwartakan pada Februari 1994.



1. KEPERLUAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN (Samb.)

- Perundangan ini diperbuat kerana memandangkan Akta Kilang dan Jentera 1967 hanya meliputi keselamatan dan kesihatan pekerjaan sektor perkilangan, perlombongan dan pengkuarian dan pembinaan yang mana keselamatan dan kesihatan pekerja di sektor industri-industri lain tidak diliputi.
- Akta ini mendefinisikan kewajipan-kewajipan am majikan, pengilang, pekerja, pekerja sendiri, perekabentuk, pengimport dan pembekal

1. KEPERLUAN KESIHATAN DAN KESELAMATAN (Samb.)

- Prinsip-prinsip utama yang diambil sebagai asas dalam penggubalan akta ini adalah seperti berikut:

Pertama

- Pengaturan bertujuan menangani perkara berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

Kedua

- Perundingan antara majikan, pekerja dan kerajaan menyelesaikan isu-isu dan masalah-masalah berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan

NOSS/JPK/KSM JULAI 2017
GCA04(CA04)

Ketiga

- Kerjasama antara majikan dan pekerja dalam menjaga, memelihara dan meningkatkan mutu keselamatan dan kesihatan

2. PERUNDANGAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA) 1994



NOSS/JPK/KSM JULAI 2017
GCA04(CA04)

2.1 AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA) 1994

- Terdapat 15 bahagian OSHA 1994 yang mengandungi beberapa seksyen dibawahnya.

BAHAGIAN I: PERMULAAN

BAHAGIAN II: PERLANTIKAN
PEGAWAI

BAHAGIAN III: MAJLIS NEGARA
BAGI KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN

BAHAGIAN IV: KEWAJIPAN AM
MAJIKAN DAN PEKERJA



2.1 AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA) 1994 (Samb.)

BAHAGIAN V: KEWAJIPAN AM
REKABENTUK, PENGILANG DAN
PEMBEKAL

BAHAGIAN VI: KEWAJIPAN AM PEKERJA

BAHAGIAN VII: PEMBERITAHUAN
MENGENAI KEMALANGAN, KEJADIAN
BAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN
PENYAKIT

BAHAGIAN IX: LARANGAN TERHADAP
PENGGUNA LOJI

BAHAGIAN X: TATAAMALAN INDUSTRI

2.1 AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA) 1994 (Samb.)

BAHAGIAN XI: PENGUATKUASAAN DAN PENYIASATAN

BAHAGIAN XII: LIABILITI BAGI KESALAHAN

BAHAGIAN XIII: RAYUAN

BAHAGIAN XV: PELBAGAI

2.2 ORGANISASI KESELAMATAN DAN KESIHATAN

- Seksyen 30 mengenai penubuhan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di tempat kerja mengatakan:
 1. Majikan perlu menubuhkan jawatankuasa keselamatan dan kesihatan (jika terdapat 40 pekerja dan dipersetujui oleh ketua pengarah)
 2. Keanggotaan jawatankuasa berdasarkan pemilihan, perlantikan dan prosedur akta
 3. Majikan perlu berunding dengan ahli jawatankuasa
 4. Sekiranya seseorang melanggar peruntukan seksyen, boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama 6 bulan atau kedua-duanya.



2.2 ORGANISASI KESELAMATAN DAN KESIHATAN (Samb.)

- Seksyen 31 mengenai fungsi jawatankuasa keselamatan dan kesihatan mengatakan:
 1. Hendaklah sentiasa mengkaji semula langkah-langkah yang diambil
 2. Hendaklah menyasat apa-apa perkara di tempat kerja
 3. Menyelesaikan apa-apa perkara yang telah disiasat
 4. Hendaklah mempunyai apa-apa fungsi lain yang boleh ditetapkan



2.3 PEMBERITAHUAN KEMALANGAN KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT

- Terdapat tiga seksyen yang mengatakan perihal pemberitahuan kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit iaitu Seksyen 32, Seksyen 33, dan Seksyen 34.
- Seksyen 32 mengatakan setiap kemalangan perlu diasukan dan dirawat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2.3 PEMBERITAHUAN KEMALANGAN KEJADIAN BERBAHAYA, KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT (Samb.)

- Seksyen 33 mengenai ketua pengarah boleh mengarahkan supaya siasatan diadakan oleh pegawai bertauliah dan pakar berkemahiran.
- Seksyen 34 mengenai kuasa pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam siasatan.



2.4 AMALAN KOD INDUSTRI (ICOP)

- Seksyen 37 mengenai Kelulusan tataamalan industri mengatakan:
 1. Menteri (atas syor majlis atau ketua pengarah) meluluskan tataamalan industri yang terdiri daripada arahan-arahan dalam mematuhi akta.
 2. Menteri (atas syor majlis atau ketua pengarah) dari semasa ke semasa mengkaji semula tataamalan industri.
 3. Suatu tataamalan adalah berdasarkan standard, spesifikasi atau peruntukan keselamatan dan kesihatan pekerjaan
 4. Warta kelulusan sesuatu tataamalan industri dan pemindaan atau pembatalan perlu disiarkan

2.4 AMALAN KOD INDUSTRI (ICOP) (Samb.)

- Seksyen 38 mengenai penggunaan tataamalan industri dalam prosiding mengatakan:
 1. Tataamalan industri yang diluluskan hendaklah siterima sebagai keterangan dalam prosiding
 2. Jika mahkamah berpuas hati, berhubung sebarang perkara yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwa sekiranya (i) peruntukan tataamalan industri yang diluluskan adalah relevan, (ii) orang itu pada bila-bila masa tidak mematuhi peruntukan tataamalan industri yang diluluskan itu, perkara itu hendaklah dikira sebagai terbukti

2.5 PENGUATKUASAAN DAN PEGAWAI PEMATUHAN

- Seksyen 39 mengenai kuasa untuk masuk, memeriksa, meneliti, menyita, dan sebagainya mengatakan:
 1. Pegawai keselamatan dan kesihatan bertanggungjawab melaksanakan akta ini.
 2. Bidang tugas seorang pegawai dalam menjalankan kuasanya.
 3. Tindakan yang boleh diambil jika seseorang pegawai berpendapat bahawa loji atau bahan telah menyebabkan atau mungkin akan menyebabkan bahaya kepada keselamatan dan kesihatan
 4. Tindakan yang boleh diambil oleh pegawai berdasarkan situasi tertentu dibawah Subseksyen (2), Subseksyen (3), dan subseksyen (5).

2.6 LIABILITI BAGI KESALAHAN DAN PENALTI

- Seksyen 51 mengenai penalti am mengatakan seorang yang melalui apa-apa perbuatan atau peninggalan melanggar mana-mana peruntukan akta ini atau mana-mana peraturan.
- Boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan, dalam hal kesalahan yang berterusan, boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari semasa kesalahan itu berterusan selepas sabitan.

2.7 PERATURAN-PERATURAN YANG DIBUAT DIBAWAH OSHA 1994

- Diantara peraturan-peraturan OSHA adalah:
 1. Pemberitahuan mengenai kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan dan penyakit pekerjaan 2004.
 2. Penggunaan dan standard pendedahan bahan kimia berbahaya kepada kesihatan 2000.
 3. Jawatankuasa keselamatan dan kesihatan 1996
 4. Pernyataan Dasar Am Keselamatan dan Kesihatan Majikan (pengecualian) 1995([sila rujuk modul](#) bagi senarai peraturan yang lebih terperinci)

2.8 GARIS PANDUAN YANG DIBUAT DIBAWAH OSHA 1994 (Samb.)

Garis panduan yang dibuat berdasarkan OSHA 1994 adalah berkenaan perkhidmatan industri, system pengurusan keselamatan dan kesihatan, akta keselamatan dan kesihatan 1994 dan sebagainya.

(Rujuk modul bagi senarai garis panduan secara terperinci)



CIDB prihatin terhadap
KESELAMATAN & KEBAJIKAN ANDA

2.9 KOD AMALAN YANG DIBUAT DIBAWAH OSHA 1994

Approved Code Of Practice On HIV/AIDS In Workplace 2001

- ☐ Kod Amalan Tentang Pencegahan dan Pengurusan HIV / AIDS
Di tempat Kerja 2001
- ☐ Industry Code Of Practice On Chemicals Classification And
Hazard Communication, 2014
- ☐ Industry Code Of Practice On Indoor Air Quality, 2010
- ☐ Code Of Practice For Road Transport Activities, 2010
- ☐ Code Of Practice On Safety, Health And Environment For
Transportation Sector (She Code), 2007

NOSS/JPK/KSM JULAI 2017

2.9 KOD AMALAN YANG DIBUAT DIBAWAH OSHA 1994 (Samb.)

- ☐ Kod Amalan Pencegahan dan Pembasmian Penyalahgunaan Dadah, Alkohol dan Bahan Di tempat Kerja 2005
- ☐ Code Of Practice On Prevention And Management Of Hiv/Aids At The Workplace, 2001
- ☐ Industry Code Of Practice For Safe Working In A Confined Space, 2010



2.10 AKTA KILANG DAN JENTERA 1967

- Terdapat beberapa bahagian dan seksyen yang mengatakan peribai kilang dan jentera

BAHAGIAN I
PERMULAAN

BAHAGIAN II
KESELAMATAN,
KESIHATAN DAN
KEBAJIKAN

BAHAGIAN III
ORANG YANG MENJAGA
DAN PERAKUAN
KEKOMPETENAN

BAHAGIAN IV
PEMBERITAHUAN
KEMALANGAN, KEJADIAN
BERBAHAYA DAN
PENYAKIT

BAHAGIAN VI
AM



2.11 PERATURAN-PERATURAN YANG DIBUAT DIBAWAH FMA 1967

- Factories and Machinery (FMA) mengulas berkenaan dengan undang-undang yang membincangkan mengenai hingar, habuk, bahan berbahaya, penggunaan mesin dengan selamat, kebajikan, dan sebagainya.



NOSS/JPK/KSM JULAI 2017
GCA04(CA04)

SOALAN??

TERIMA KASIH



**M06 –KEPEKAAN PELAKSANAAN
KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM
SEKITAR**

TAHAP 3

**PELAKSANAAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN (OSH)**

Pengenalan

- Pelaksanaan OSH dan akta-akta berkaitan merupakan perkara utama dalam memastikan tahap kesihatan dan keselamatan pekerja dijamin.
- Setiap akta keselamatan dan keselamatan serta akta kilang dan jentera,



1. KAWALAN RISIKO KESIHATAN DAN KESELAMATAN

- Kawalan risiko bolehlah ditakrifkan sebagai aktiviti penyingkiran *hazard* yang menyebabkan risiko kepada pekerja
- Langkah yang paling penting dalam kawalan risiko adalah menghapus atau mengurangkan risiko
- Ada *hazard* boleh disingkir dengan mudah manakala yang lain memerlukan lebih banyak usaha dan perancangan untuk menyelesaikannya. Keutamaan diberikan kepada hazard berisiko tinggi

1. KAWALAN RISIKO KESIHATAN DAN KESELAMATAN (Samb.)

1.1 Hierarki Kawalan Risiko

- Cara untuk mengawal risiko adalah dengan menyusun tertib menyingkirkan *hazard-hazard* tahap tinggi dahulu berbanding hazard tahap rendah. Hierarki kawalan hazard tebahagi kepada 3 peringkat iaitu:



Menyingkirkan Hazard

Mengganti, mengasing dan kawalan kejuruteraan

Kawalan pentadbiran menggunakan peralatan perlindungan personal (PPE)

NOSS/JPK/KSM JULAI 2017
© 2017 (CAOS)

2. PERLAKSANAAN SISTEM PERMIT MELAKUKAN KERJA (PTW)

- Sistem PTW adalah satu sistem kerja, yang memberi kebenaran secara bertulis bagi melakukan kerja-kerja yang berpotensi mendatangkan bahaya untuk mengawal keselamatan dan kesihatan pekerja dan alam sekitar.
- Ia merupakan sistem komunikasi antara pihak pengurusan, penyelia dan orang-orang yang menjalankan tugas.

2. PERLAKSANAAN SISTEM PERMIT MELAKUKAN KERJA (PTW) (Samb.)

- Objektif PTW adalah:

Kebenaran
melakukan kerja

Peringatan hazard

Prosedur
penyerahan
semula kerja

Memastikan kerja
telah dilakukan
dengan selamat

2. PERLAKSANAAN SISTEM PERMIT MELAKUKAN KERJA (PTW) (Samb.)

- Tanggungjawab utama dalam system PTW:

Pengurus
Pemasangan

Pengurusan
Kontraktor

Penyelia (orang
yang
bertanggungjawab
untuk tugas)

Individu yang
bekerja dalam
sistem

2. PERLAKSANAAN SISTEM PERMIT MELAKUKAN KERJA (PTW) (Samb.)

- Pertimbangan apabila menggunakan permit kerja selamat:

Permit kerja selamat hanya boleh dikeluarkan oleh orang yang kompeten

Latihan praktikal untuk mereka yang menerima permit

Pengeluar permit perlu memantau dan memastikan pekerja memahami bahaya

2. PERLAKSANAAN SISTEM PERMIT MELAKUKAN KERJA (PTW) (Samb.)

- Faktor-faktor yang membawa kepada sistem permit kerja tidak berkesan adalah:

Jenis dan format permit

Prosedur pengeluaran tidak mencukupi

Pekerja tidak faham keperluan

Majikan tidak mengaudit sistem

Sistem terlalu kompleks

3. PERLAKSANAAN SENARAI SEMAK PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA

- Pemeriksaan keselamatan dan kesihatan adalah salah satu alat pencegahan kejadian atau kemalangan dalam program keselamatan dan kesihatan organisasi.
- Tujuan pemeriksaan keselamatan adalah untuk mencari, melihat, merekod dan menganalisa keadaan yang tidak selamat.
- Program pemeriksaan memerlukan perancangan, persediaan dan latihan. Ini adalah untuk memastikan majikan mempunyai polisi dan prosedur yang sesuai dalam melaksanakan program ini.

4. PEMANTAUAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN DI TEMPAT KERJA

Satu analisis yang betul dari semasa ke semasa boleh mendedahkan:

- keperluan latihan dalam bidang tertentu
- mengapa kejadian ini berlaku di tempat tertentu
- keperluan menubuhkan keutamaan untuk tindakan pembetulan
- keperluan membangunkan atau meningkatkan amalan tempat kerja yang selamat
- kawasan masalah yang mungkin memerlukan lebih analisis bahaya

5. PERLAKSANAAN MESYUARAT TOOLBOX

- Mesyuarat Toolbox adalah satu mesyuarat yang memberi peluang kepada pekerja untuk menyuarakan pendapat tentang kesihatan dan keselamatan di tempat kerja, kejadian kemalangan, progres kerja dan prosidur syarikat. Mesyuarat ini perlu dijalankan secara berkala. Kekerapan mesyuarat bergantung kepada saiz, jenis dan lokasi tempat kerja. Bagi kerja-kerja yang berbahaya, mesyuarat harian perlu diadakan.

5. PERLAKSANAAN MESYUARAT TOOLBOX (Samb.)

Objektif mesyuarat ini adalah untuk:-

- ☐ menyampaikan maklumat mengenai prosedur organisasi
- ☐ kenal pasti *hazard* baru dan mengkaji *hazard* sedia ada.
- ☐ membuat kajian kawalan *hazard*
- ☐ membincangkan kemalangan dan kejadiannya.
- ☐ membincangkan program-program keselamatan dan kesihatan.
- ☐ membincangkan prestasi proses kerja.

SOALAN??

TERIMA KASIH



**M06 –KEPEKAAN PELAKSANAAN
KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM
SEKITAR**

TAHAP 3

**PELAKSANAAN KESELAMATAN DAN
KESIHATAN (OSH)**

PENGENALAN

- Pelaksanaan OSH dan akta-akta berkaitan merupakan perkara utama dalam memastikan tahap kesihatan dan keselamatan pekerja dijamin.
- Setiap akta keselamatan dan keselamatan serta akta kilang dan jentera,



1. PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MENGENAI LAPORAN KEMALANGAN DAN SIASATAN

- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 terdiri daripada empat bahagian iaitu:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

BAHAGIAN II
PEMBERITAHUAN
DAN PELAPORAN

BAHAGIAN III TIADA
GANGGUAN
KEMALANGAN

PENYELENGGARAAN
SEMUA REKOD

PELBAGAI

1. PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MENGENAI LAPORAN KEMALANGAN DAN SIASATAN (Samb.)

Keperluan Pelaporan dibawah OSHA 1994

Seksyen 32(1) memerlukan majikan untuk memberitahu pejabat OSH yang terdekat jika mana-mana daripada yang berikut telah berlaku atau dijangka berlaku:

1. kemalangan
2. kejadian berbahaya
3. keracunan pekerjaan
4. penyakit pekerjaan

1. PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MENGENAI LAPORAN KEMALANGAN DAN SIASATAN (Samb.)

Keperluan Pelaporan dibawah OSHA 1994

- Seksyen 32(2) memerlukan tiap-tiap pengamal perubatan berdaftar menghadiri atau melawat seseorang pesakit yang dia percaya menghidap mana-mana penyakit yang disenaraikan di bawah FMA 1967 atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah OSHA 94 untuk melaporkan perkara itu kepada Ketua Pengarah


KESELAMATAN BENGKEL

EMPAT PERKARA YANG DI AMBIL PERHATIAN BAGI
MENGURANGKAN KEMALANGAN DI DALAM BENGKEL

DIRI



RAKAN



ALATAN



PERSEKITARAN



1. PERATURAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MENGENAI LAPORAN KEMALANGAN DAN SIASATAN (Samb.)


Pengecualian

- Laporan mengenai kematian, kecederaan atau keadaan seseorang tidak terpakai kepada pesakit yang menjalani rawatan di hospital atau pembedahan oleh doktor atau doktor gigi.
- Sebarang kemalangan yang timbul daripada atau berkaitan dengan kerja yang menyebabkan kematian, atau kecederaan fizikal, majikan perlu memaklumkan kepada DOSH yang terdekat.

2. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN ANALISIS

- Tujuan penyiasatan kemalangan dan analisis adalah untuk memberi maklumat mengenai prosedur dan teknik penyiasatan kemalangan. Kemalangan ditakrifkan secara umum sebagai satu peristiwa yang tidak diingini yang menyebabkan kecederaan fizikal kepada orang atau kerosakan kepada harta dan/atau proses gangguan.
- Garis panduan ini tidak menyediakan jawapan yang bersedia untuk pencegahan kemalangan, tetapi lebih kepada panduan untuk membantu dalam penyiasatan kemalangan, analisis dan tindakan pembetulan.

2. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN ANALISIS (Samb.)



NOSS/2017/ISM JULAI 2017

2. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN ANALISIS (Samb.)

Maklumat berikut menyenaraikan pelbagai bidang yang perlu dimasukkan dalam sesuatu penyiasatan kemalangan:

Ciri-ciri
kerja

Persekitaran

Faktor masa

Ciri-ciri
pekerja

2. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN ANALISIS (Samb.)

Maklumat berikut menyenaraikan pelbagai bidang yang perlu dimasukkan dalam sesuatu penyiasatan kemalangan:

Huraian
naratif

Ciri-ciri
peralatan

Ciri-ciri tugas

Langkah-
langkah
pencegahan

2. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN ANALISIS (Samb.)

Faktor-faktor Siasatan

Apakah orang lain lakukan semasa kemalangan?

Adakah mereka mengikut prosedur yang betul?

Adakah orang yang melakukan kerja-kerja itu diberi kuasa?

Adakah peralatan yang betul digunakan?

Dimanakah penyelia?

NOSS/JPK/KSM JULAI 2017
60303(CAD6)

2. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN ANALISIS (Samb.)

- Untuk melaksanakan tindakan pembetulan, penyiasat perlu mengemukakan fakta-fakta yang menunjukkan kejadian itu tidak berlaku jika sesuatu peristiwa tidak berlaku. Faktor-faktor berikut akan dianalisis:

Peralatan

Persekitaran

Tindakan pekerja/tugasan/aktiviti/kerja prosedur peralatan perlindungan diri

Latihn penilaian pengurusan program penyeliaan

2. PENYIASATAN KEMALANGAN DAN ANALISIS (Samb.)

Punca Kemalangan

- Sebab-sebab berikut daripada perbuatan yang tidak selamat adalah dianggap punca kemalangan paling kerap



3. LAPORAN SIASATAN

- Rekod-rekod kemalangan yang tepat atau hampir tersasar adalah penting dalam penyiasatan kemalangan melalui program analisis dan kemudiannya siasatannya berjaya. Penyiasatan kemalangan yang didokumenkan akan mengandungi maklumat yang boleh digunakan untuk mengelakkan kemalangan pada masa depan.
- Siasatan perlu dikendalikan oleh penyelia dan dikaji semula oleh orang lain yang dianggap sesuai.

3. LAPORAN SIASATAN (Samb.)

Melengkapkan Borang Penyiasatan Kemalangan

- Bab ini menyediakan dua (2) borang siasatan kemalangan. Borang pertama adalah satu dokumen versi pendek, dua muka surat yang perlu digunakan apabila kecederaan memerlukan bantuan pertolongan cemas sahaja. Borang kedua adalah enam (6) muka surat dan menyediakan analisis yang lebih mendalam.
- Berikut adalah senarai individu-individu yang akan meneliti borang penyiasatan kemalangan:
 - ☐ Penyelia
 - ☐ Ketua Cawangan, Pengurus Kawasan, Penguasa Kawasan
 - ☐ Penyelaras Keselamatan (kawasan berfungsi)
 - ☐ Pegawai Pendakwa Raya Keselamatan dan Kesihatan (pekerja daerah)
 - ☐ Pegawai Ibu Pejabat Keselamatan dan Kesihatan (kakitangan ibu pejabat)

SOALAN??

TERIMA KASIH



**M06 –KEPEKAAN PELAKSANAAN
KESIHATAN, KESELAMATAN DAN ALAM
SEKITAR**

TAHAP 3

Kertas Penerangan 2

APLIKASI KEPEKAAN ALAM SEKITAR

PENGENALAN

- Kesedaran alam sekitar perlu dilaksanakan berdasarkan akta yang dibangunkan berdasarkan undang-undang dan peraturan alam sekitar.
- Pemuliharaan alam sekitar adalah penting untuk memastikan penjagaan alam sekitar dipelihara untuk generasi masa hadapan

1. KEPERLUAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR

- Dalam mempromosikan pembangunan alam sekitar yang mantap dan mampan, Kerajaan Malaysia telah menguatkuasakan undang-undang alam sekitar dari peringkat awal perancangan sesuatu projek.
- Menurut keperluan pelesenan untuk menubuhkan perniagaan/industri dalam negara, keperluan dan penilaian alam sekitar merupakan kelulusan peringkat kedua yang perlu diperolehi selepas perniagaan atau industri didaftarkan.

Prihatin dengan hazard dan risikonya



1. KEPERLUAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR (Samb.)

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (EQA)

- Undang-undang yang berkaitan dengan pencegahan, pengurangan, kawalan pencemaran dan pembaikan alam sekitar di Malaysia ialah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Akta ini menghadkan pelepasan sisa ke alam sekitar dalam pelanggaran syarat-syarat yang boleh diterima.
- Peraturan dan undang-undang alam sekitar iaitu salah satu daripada tiga strategi yang terkandung dalam EQA, 1974, merupakan peraturan pencemaran. Dua strategi lain adalah untuk menghalang dan pemulihan sebarang bentuk pencemaran

1. KEPERLUAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR (Samb.)

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (EQA)

i) Kawalan pencemaran air berasaskan pertanian

i) Kawalan perbandaraan dan pencemaran air sisa industri

i) Kawalan emisi perindustrian

i) Kawalan emisi kenderaan bermotor

Kawalan pengurusan toksik dan sisa berbahaya

i) Pencegahan Pembakaran Terbuka

1. KEPERLUAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR (Samb.)

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

- Penilaian impak alam sekitar (EIA) adalah satu proses pencegahan daripada berlakunya kemerosotan kualiti alam sekitar. Penilaian ini dilakukan bagi mengelakkan berlakunya kerugian terutamanya terhadap alam sekitar akibat kesilapan perancangan dan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan
- Sesuatu projek pembangunan khususnya projek mega yang hendak dijalankan, pemaju mestilah menyediakan laporan EIA yang lengkap untuk diteliti dan diluluskan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Alam Sekitar. Pihak berkuasa boleh menangguh atau membatalkan sesuatu projek jika tidak menepati kehendak dan syarat yang ditetapkan dalam EIA.

1. KEPERLUAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR (Samb.)

- Diantara projek-projek yang memerlukan kelulusan EIA adalah:



Pertanian

Lapangan
Terbang

Pengairan dan
perparitan

Tebus guna
tanah

Perikanan

Perhutanan

1. KEPERLUAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR (Samb.)

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

- Diantara projek-projek yang memerlukan kelulusan EIA adalah:

Perumahan

Industri

Infrastruktur

Pelabuhan

Perlombongan

Petroleum

Kuasa penjanaan
dan penghantaran

1. KEPERLUAN PERUNDANGAN ALAM SEKITAR (Samb.)

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)

- Diantara projek-projek yang memerlukan kelulusan EIA adalah:

Kuari

Kereta api

Pengangkutan

Pembangunan
resort dan
rekreasi

Sisa rawatan dan
pelupusan

Bekalan air

2. KEPERLUAN PEMULIHARAAN ALAM SEKITAR

- Pemuliharaan alam sekitar ditakrifkan sebagai kaedah penggunaan, pengendalian dan pengurusan sumber alam semula jadi untuk mengelakkan kerugian, kerosakan dan pembaziran. Pemeliharaan dan pemuliharaan sumber dapat memastikan kesinambungan sumber alam semula jadi untuk generasi akan datang.
- Pemuliharaan alam sekitar ialah tindakan memulihara atau menjimatkan sumber semula jadi melalui pengurusan yang teliti. Hal ini bermakna sumber harus digunakan dengan bijak dan bertanggungjawab. Contohnya dengan mengurangkan sisa buangan, pokok-pokok dapat diselamatkan.

3. PELAN TINDAKAN KECEMASAN ALAM SEKITAR

- Pelan Tindakan Kecemasan merupakan satu program yang dijalankan di bawah Keselamatan, Kesihatan dan alam sekitar. Ia amat penting dilaksanakan supaya dapat melakukan tindakan atau respon yang sewajarnya apabila berlaku kecemasan.
- Kecemasan adalah kejadian yang tidak dijangka, yang memerlukan tindakan segera disebabkan memberi ancaman kepada orang ramai harta benda dan alam sekitar.

PELAN TINDAKAN KECEMASAN ALAM SEKITAR

- Plan tindakan kecemasan (ERP) adalah satu plan yang berkesan, yang dibangunkan oleh majikan untuk diaplikasi ketika berlaku kecemasan. Objektif plan tindakan kecemasan adalah:-
 1. Untuk menyelamatkan orang ramai dan alam sekitar.
 2. Untuk mengawal keadaan dan menghadkan kerosakan.
 3. Untuk mengawal punca insiden

PELAN TINDAKAN KECEMASAN ALAM SEKITAR

Langkah-langkah perancangan kecemasan
adalah:-

1. Kenal pasti hazard dan risiko.
2. Menilai plan tindakan kecemasan.
3. Tentukan objektif dan plan.
4. Pilih plan tindakan kecemasan.
5. Tentukan operasi tindakan keemasan
6. Tulis plan tindakan

SOALAN??

TERIMA KASIH